

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

Alasan papan tanda jatuh, ditempah belum siap

Kuala Terengganu: Papan tanda ditempah belum siap, papan tanda jatuh dan tidak tahu penguatkuasaan bermula semalam antara alasan segelintir pengusaha restoran dan kedai makan ketika Ops Larangan Merokok di sekitar bandar raya ini, semalam.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, Dr Nor Azimi Yunus, berkata ia hanya alasan untuk melepaskan diri daripada dikenakan saman sedangkan mereka sudah diberi tempoh setahun untuk meletakkan papan tanda larangan merokok di premis masing-masing.

"Bila kita tanya, mereka dakwa papan tanda yang ditempah tidak siap lagi, selain ada yang memberi alasan papan tanda dipasang sebelum ini jatuh dan rosak sehingga terpaksa menemppan papan tanda baharu.

"Alasan tidak tahu penguatkuasaan bermula hari ini (semalam) tidak munasabah kerana kita sudah turun padang menjalankan pendidikan, mendekati mereka untuk memberi penjelasan selain peringatn kepada pemilik premis.

"Dalam tempoh itu, mana-mana pemilik premis yang gagal meletakkan papan tanda larangan merokok diberi amaran dan mereka sepatutnya sedia maklum mengenai penguatkuasaan yang bermula hari ini (semalam)," katanya ketika ditemui dalam Ops Larangan Merokok di sini, semalam.

Dr Nor Azimi berkata, dua peniaga disaman mengikut Akta Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2018, Seksyen 36 Akta Makanan 1983 selepas didapati gagal memamerkan tanda larangan merokok di premis masing-masing.

"Mereka boleh dikenakan denda maksimum RM3,000 atau tidak melebihi enam bulan penjara, jika sabit kesalahan.

"Mereka yang dikenakan notis saman perlu memasang segera papan tanda larangan merokok itu dan jika dikesan membuat kesalahan sama sekali lagi, saman akan dikeluarkan," katanya.

Mereka boleh dikenakan denda maksimum RM3,000 atau tidak melebihi enam bulan penjara, jika sabit kesalahan.

Dr Nor Azimi Yunus, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Penguatkuasaan larangan merokok



Operasi larangan merokok di sekitar Jelutong, Georgetown, semalam. (Foto SHAHNAZ FAZLIE SHAHRIZAL/BH)



Pegawai Kesihatan Daerah Seremban menyebarkan risalah di Jalan Tuanku Munawir, semalam. (Foto HASRIYASYAH SABUDIN/BH)

32 restoran, kedai didenda

181 perokok kena saman hari pertama operasi

Oleh Mohamed Farid Noh, Rafidah Mat Ruzki, Nurul Fhatihah Zakinan, Zuhainy Zulkiffli, Mohd Amin Jalil bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hari pertama penguatkuasaan larangan merokok di premis makanan menyaksikan 181 kompaun dikeluarkan dalam operasi jabatan kesihatan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) terhadap perokok yang ingkar.

Saman turut dikeluarkan kepada 32 pemilik restoran dan kedai makan kerana kegagalan menampal notis larangan merokok dan membenarkan pelanggan merokok dalam lingkungan premis mereka.

Bagi mereka yang didapati merokok di kawasan larangan, termasuk di semua tempat makan akan dikenakan kompaun RM250.

Di **Johor Bahru**, Jabatan Kesihatan Negeri Johor mengeluarkan 25 saman atau Nota Memerintahkan Kehadiran di Mahkamah kepada perokok yang didapati merokok di dalam premis makan pada hari pertama pewartaan peraturan larangan merokok dalam premis.

Pengarahnya, Dr Aman Rabu, berkata mereka diberikan Notis mengikut Seksyen 32B Peraturan 11(1) (d) kerana melanggar larangan merokok di dalam premis makan.

Beliau berkata, lima premis diberi notis kerana tidak mematuhi Peraturan 12(1)(a) iaitu tidak memasang tanda larangan merokok.

"Seorang pemilik premis menerima notis kerana membenarkan pelanggan merokok di premis mereka dengan menyedai kawasan khas.

"Sejumlah 31 notis dikeluarkan pada hari pertama pen-



Pegawai Penguatkuasa Jabatan Kesihatan mengeluarkan saman terhadap pelanggan yang gagal mematuhi larangan merokok di Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

wartaan peraturan larangan merokok termasuk kepada penhisap rokok elektronik (vape) yang ingkar," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Di **Shah Alam**, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dalam kenyataannya semalam, mengeluarkan 57 kompaun terhadap perokok sepanjang hari pertama operasi penguatkuasaan larangan merokok di tempat makan.

Lima pemilik kedai turut dikenakan kompaun kerana tidak memasang tanda larangan merokok, manakala dua lagi dikenakan tindakan sama disebabkan membenarkan orang merokok dalam premis mereka.

Di **Melaka**, Jabatan Kesihatan negeri mengeluarkan 10 kompaun dalam operasi penguatkuasaan larangan merokok semalam.

Ia membabitkan 154 premis sekitar tiga daerah di negeri itu Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin.

Di **Pulau Pinang**, Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Asmayani Khalib, berkata sehingga jam 1 tengah hari semalam, 11 notis kompaun dikeluarkan kepada individu yang didapati merokok di kedai makan atau restoran.

"Sebanyak 236 premis makan dilawati di sekitar negeri ini dan operasi dijalankan serentak di lima daerah," katanya ketika dihubungi, semalam.

Di **Seremban**, masih terdapat individu yang tidak sedar atau sengaja melanggar peraturan larangan merokok di tempat makan walaupun tempoh peringatn diberikan sepanjang tahun lalu.

Timbalan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (JKNS), Mohammad Faid Abd Rashid, berkata 42 notis kompaun dikeluarkan terhadap perokok dan premis makanan dalam Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Larangan Merokok.

"Tujuh notis kesalahan dikeluarkan membabitkan kesalahan pemilik premis tidak memamerkan tanda larangan merokok.

"Sebanyak lapan notis kesalahan dikenakan ke atas pemilik premis makanan kerana tidak melarang individu merokok di premis mereka," katanya.

Di **Kuantan**, Bernama melaporkan 51 individu dikenakan kompaun kerana ingkar larangan tidak merokok dalam premis makanan di seluruh negeri itu, setakat 2 petang, semalam.

Pengarah Kesihatan Pahang, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, berkata empat premis makanan dikenakan kompaun masing-masing dua atas kesalahan membenarkan pelanggan merokok dan tidak menampal notis larangan merokok.

Di **Ipoh**, lima premis makanan di sekitar Jelapang, diperiksa dalam operasi selama dua jam bermula 10 pagi membabitkan 16 kakitangan Pejabat Kesihatan daerah Kinta.

Bagaimanapun, tiada kompaun dikeluarkan apabila pelanggan akur dengan mematuhi arahan selain pengusaha makanan turut meletakkan tanda larangan merokok di premis masing-masing.

Di **Kuala Lumpur**, empat kompaun dikeluarkan dalam operasi yang dilakukan di tiga lokasi bermula pada 11.30 pagi semalam.

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan Pejabat Kesihatan Titiwangsa, Nordayana Musa yang mengetahui operasi itu berkata, ada perokok yang merayu supaya hanya diberikan amaran dengan memberi alasan tidak tahu mengenai penguatkuasaan larangan merokok tersebut.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8A

RUANGAN : MINDA



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : LOKAL



PELANGGAN lelaki di premis makanan di Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kuala Lumpur tidak mengendahkan larangan merokok di kedai makan, semalam.

OPERASI SAMAN PEROKOK

Perut kenyang hati sakit

Lelaki merokok di restoran selepas selesai jamu selera dikenakan kompaun RM250

Zuhainy Zulkiffli
am@metro.com.my

Georgetown

“Rokok sebatang RM1, tapi denda (kompaun) kena RM250...makan modal (modal).” Itu rungutan perokok yang dikenakan kompaun ketika operasi penguatkuasaan larangan merokok di premis makanan

di Jelutong dekat Georgetown, dilaksanakan bermula semalam.

Lelaki berusia 50-an itu dilihat dengan selamba menghisap rokok di premis makanan tanpa menyedari kehadiran anggota penguat kuasa yang melakukan operasi.

Dia yang dipercayai baru selesai menjamu selera itu kemudian dikenakan kompaun dan mula

menyesal dengan perbuatannya kerana mengeluarkan wang untuk membayar denda melebihi harga rokok yang dihisap.

Pengarah Kesihatan Negeri Dr Asmayani Khalib berkata, sehingga jam 1 tengah hari sebanyak 11 notis kompaun dikeluarkan kepada

pelanggan yang menghisap rokok di kedai makan.

“Mereka tidak membantah malah mengakui kesalahan.”

“Sebanyak 236 premis makanan dilawati di sekitar negeri ini dan operasi dijalankan serentak di lima daerah,” katanya ketika dihubungi, semalam. Dalam operasi

bermula jam 10 pagi itu, pelanggan di premis makanan juga diberi amaran serta peringatan.

Bukan saja mengeluarkan notis kompaun, malah orang awam khususnya pelanggan turut diberi pendidikan mengenai kesihatan dan larangan merokok.

Pemilik premis juga diberi peringatan supaya memperbanyakkan papan tanda larangan merokok.

11 notis kompaun dikeluarkan kepada pelanggan merokok



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : LOKAL

Kempen berterusan

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan akan meningkatkan kempen dan sesi penerangan kepada masyarakat berkaitan larangan merokok di restoran dan tempat makan bagi memastikan kawasan berkenaan bebas asap rokok.

Timbalan Menteri Dr Lee Boon Chye berkata, biarpun mendapat pelbagai reaksi daripada banyak pihak, kementerian akan meneruskan makluman berkenaan secara berterusan dan berharap ia mendapat kerjasama baik demi kebaikan bersama.

"Katanya, biarpun penguatkuasaan larangan itu bermula hari ini (semalam), pihaknya belum menerima maklumat penuh mengenai keberkesannya, namun akan terus memantau perkembangan dari semasa ke semasa.

"Kita belum tahu lagi bagaimana maklum balas

setakat ini, tapi kita akan teruskan dengan memberi publisiti kepada orang ramai. Isunya bukan penguatkuasaan saja, tapi kita mahu menerapkan kesedaran bahaya merokok kepada kesihatan," katanya kepada Harian Metro.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma), Datuk Jawahar Ali Taib Khan berkata, setakat ini, penguatkuasaan itu berjalan dengan baik di semua 12,000 premis makanan di Lembah Klang dan ia menunjukkan tanda positif.

"Kita tidak menerima maklum balas mengenai restoran yang dikenakan saman seperti diumumkan kerajaan. Hanya satu premis setakat ini yang dikompaun kerana tidak meletakkan tanda amaran larangan merokok di Seremban," katanya.



LARANGAN merokok dan rokok elektronik di premis makan berkuat kuasa, semalam.

Papan tanda belum siap

Kuala Terengganu: Papan tanda ditempah belum siap, papan tanda jatuh dan tidak tahu penguatkuasaan bermula hari ini (semalam) antara alasan segelintir pengusaha restoran dan kedai makan ketika Op Larangan Merokok di sekitar bandar raya ini, semalam.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, Dr Nor Azimi Yunus berkata, ia hanya alasan untuk melepaskan diri daripada dikenakan tindakan saman sedangkan mereka sudah diberikan satu tahun untuk meletakkan papan tanda larangan merokok di premis masing-masing.

"Bila kita tanya, mereka bagi tahu papan tanda yang ditempah tidak siap lagi selain ada yang bagi tahu sudah memasang papan tanda sebelum ini tetapi ia jatuh dan rosak sehingga menyebabkan mereka terpaksa menempah papan tanda yang baharu.

"Alasan tidak tahu penguatkuasaan bermula hari ini (semalam) juga tidak munasabah sedangkan kita sudah turun padang menjalankan penguatkuasaan pendidikan, mendekati mereka untuk memberi penjelasan selain peringatan kepada pemilik premis.

"Dalam tempoh itu, mana-mana pemilik premis yang gagal meletakkan papan tanda larangan merokok sudah diberikan amaran dan sepatutnya mereka sudah sedia maklum mengenai penguatkuasaan yang bermula hari ini



SAMPEL rokok yang diambil sebagai bukti operasi.

"Bila kita tanya, mereka bagi tahu papan tanda yang ditempah tidak siap lagi selain ada yang bagi tahu sudah memasang papan tanda sebelum ini tetapi ia jatuh dan rosak sehingga menyebabkan mereka terpaksa menempah papan tanda yang baharu"

Dr Nor Azimi Yunus

(semalam)," katanya ketika ditemui dalam Op Larangan Merokok di bandar raya ini.

Dr Nor Azimi berkata, dua peniaga dikenakan saman mengikut Akta Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembaku (Pindaan) 2018, Seksyen 36 Akta Makanan 1983 selepas didapati gagal memamerkan tanda larangan merokok di premis masing-masing. "Mereka boleh dikenakan denda maksimum RM3,000 atau tidak melebihi enam bulan penjara jika sabit kesalahan," katanya.



ANGGOTA pkuat kuasa mengeluarkan notis saman kepada pelancong warga Mesir, semalam.

Dua penghisap vape kena saman

Johor Bahru: Pelancong warga asing antara individu yang menerima notis saman pada operasi hari pertama larangan merokok di dalam premis makanan di daerah ini, semalam.

Ketua Pegawai Kesihatan Persekitaran Negeri Johor, Kayrul Hidayah Mansor, berkata dua pelancong Mesir dan Singapura antara tiga perokok dan dua penghisap vape diberikan notis saman anggota penguatkuasanya.


Katanya, ia susulan operasi membabitkan 150 anggota Jabatan Kesihatan Negeri Johor yang ditugaskan memantau dan mengeluarkan notis saman kepada perokok ingkar mulai jam 8 pagi hingga

tengah malam.

"Tindakan mengeluarkan notis saman diambil berikutan penguatkuasaan larangan merokok dalam premis bermula hari ini selepas tempoh pendidikan selama enam bulan berakhir," katanya ketika ditemui dalam operasi berkenaan.

Katanya, antara alasan yang diberikan pelancong asing ialah tidak mengetahui mengenai larangan merokok dalam premis dan mendakwa baru tiga minggu di negara ini.

"Biarpun kecewa dengan notis saman itu, namun dia akur dan menerima notis itu selepas memperoleh penjelasan lanjut," katanya.



ROKOK pelanggan restoran yang diambil sebagai bukti.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT :

RUANGAN : NEGERI

Beri kerjasama dan patuh arahan larangan merokok

KOTA BHARU - Seramai 200 penguat kuasa Jabatan Kesihatan Kelantan digerakkan bagi memastikan orang ramai dan pemilik premis mematuhi penguatkuasaan larangan merokok yang bermula semalam.

Pengarah Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, pemeriksaan akan dijalankan secara berkala di seluruh negeri supaya premis makan bebas dari asap rokok.

"Nilai kompaun bukan menjadi objektif utama kita, yang penting masyarakat sedar dan memberi kerjasama kepada kerajaan dalam menjalankan penguatkuasaan ini," katanya kepada media semalam.

Sehubungan itu, beliau menggesa masyarakat dapat memberi kerjasama dan mematuhi peraturan yang ditetapkan selaras dengan hasrat kerajaan untuk memastikan tempat makan bebas asap rokok bagi melindungi orang ramai daripada bahayanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT :
RUANGAN : PEROKOK DI KEDAI MAKANAN DI GEMPAR

Masih ada yang ingkar



Larangan merokok dan rokok elektronik (vape) di premis makan mula berkuat kuasa semalam.

Walaupun larangan merokok di premis makanan mula dilaksanakan semalam

KUALA LUMPUR

Masih ada yang ingkar dengan arahan larangan merokok di semua restoran dan premis makanan pada hari pertama penguatkuasaan penuh di seluruh negara semalam.

Menerusi operasi Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembaku 2004 (Op PPKHT) yang dijalankan di beberapa negeri, masih ramai yang berdegit dengan memberi alasan tidak tahu mengenai larangan tersebut.

Bagi mereka yang didapati merokok di kawasan larangan akan dikenakan kompaun sebanyak RM250.

Di **KUALA LUMPUR**, empat notis kompaun dikeluarkan dalam operasi penguatkuasaan yang dilakukan di tiga lokasi bermula kira-kira 11.30 pagi semalam.

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan Pejabat Kesihatan Titiwangsa, Nordayana Musa yang mengetuai operasi itu berkata, ada perokok yang merayu supaya hanya diberikan amaran dengan memberi alasan tidak tahu mengenai penguatkuasaan larangan merokok tersebut.

Di **PAHANG**, 51 individu menjadi kumpulan pertama dikenakan kompaun kerana ingkar larangan tidak merokok dalam premis makanan di seluruh negeri itu, setakat 2 petang semalam.

Pengarah Kesihatan Pahang, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, empat premis makanan juga dikenakan kompaun masing-masing dua atas kesalahan membenarkan pelanggan merokok dan tidak menampal notis larangan merokok.

Di **PERAK**, lima premis makanan di sekitar Jelapang, Ipoh diperiksa dalam operasi selama dua jam bermula 10 pagi membabitkan 16 kakitangan Pejabat Kesihatan daerah Kinta.

Di **KELANTAN**, tinjauan di premis makanan terutamanya di kawasan kampung mendapati masih terdapat individu yang tidak mengendahkan penguatkuasaan larangan merokok. - *Bernama*

JKNS keluar notis kesalahan merokok

SEREMBAN - Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (JKNS) semalam mengeluarkan notis kesalahan merokok di tempat makan dalam operasi khas penguatkuasaan di seluruh negeri.

Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan, Datuk Dr Zainuddin Mohd Ali berkata, sebanyak 27 notis kesalahan direkodkan di bawah Peraturan 11(1)(d) iaitu merokok di tempat makanan, tujuh notis melakukan kesalahan di bawah Peraturan 12(1)(a) iaitu tanggungjawab tuan punya atau penghuni premis untuk mempamerkan tanda larangan merokok.

Menurutnya, lapar notis kesalahan



DR ZAINUDDIN

pula di bawah Peraturan 12(1)(b) iaitu tanggungjawab tuan punya atau penghuni premis memastikan bahawa tiada seorang pun merokok dalam premis turut dikeluarkan kepada pengusaha yang gagal mematuhi arahan.

"Ada juga perokok yang diberi notis hadir di mahkamah," katanya.

Menurutnya, sehingga jam 2 petang semalam, sebanyak 379 premis makanan

dilawati oleh 95 anggota penguatkuasaan membabitkan tujuh di daerah negeri ini.

"Orang ramai digesa mematuhi peraturan ditetapkan bagi memastikan tempat makan bebas asap rokok," katanya.

Pelancong asing antara yang didenda

JOHOR BAHRU - Jabatan Kesihatan Johor mengeluarkan sebanyak lima saman terhadap individu yang masih gagal mematuhi larangan merokok di premis makanan yang berkuat kuasa semalam.

Difahamkan, daripada kesemua mereka yang menerima notis saman larangan merokok itu, dua daripadanya adalah pelancong asing dari Mesir dan Singapura.

Ketua Pegawai Kesihatan Persekitaran Negeri Johor, Kayrul Hidayah Mansor berkata, seramai 150 anggota Jabatan Kesihatan Johor telah ditugaskan memantau dan mengeluarkan notis saman kepada perokok yang masih berdegil.

"Operasi membabitkan beberapa kawasan yang telah dikenal pasti, kita juga telah diarahkan untuk membuat

pemantauan secara terus untuk memastikan pelaksanaan larangan ini berjaya.

"Selain pelancong ini, kita juga turut memberikan notis saman kepada dua individu yang didapati ingkar serta menggunakan rokok elektronik (vape) dalam premis makanan," katanya ketika ditemui semasa mengikuti operasi berkenaan di sini semalam.

Katanya, dalam operasi berkenaan, pegawai kesihatan yang terlibat turut membawa poster serta papan tanda mini larangan merokok sebagai peringatan pada orang awam.

Terdahulu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan, individu yang melakukan kesalahan merokok di tempat larangan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun.

Perokok 'panas hati' terima kompaun



Lelaki berusia 50-an yang marah apabila diberikan notis kompaun ketika operasi penguatkuasaan larangan merokok di tempat makan di Bukit Baru semalam.

MELAKA TENGAH - "Saya panas hati, janganlah letak meja makan di luar premis, jadi tak adalah orang merokok di sini. Kalau begini, larang terus penjualan rokok," kata seorang perokok tegar yang tidak berpuas hati dikenakan sebanyak kompaun RM250.

Perokok berusia 50-an itu didapati merokok di sebuah medan selera ketika operasi penguatkuasaan di tempat makan yang diketuai Exco Kesihatan dan Anti Dadah Negeri Melaka, Low Chee Leong di Bukit Baru di sini semalam.

Chee Leong berkata, alasan itu selalu digunakan perokok walaupun Jabatan Kesihatan Negeri termasuk kerajaan negeri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) giat melaksanakan kempen sejak tahun lalu.

Menurutnya, kempen membabitkan sebanyak 35,957 risalah yang telah diedarkan kepada orang awam di sekitar Melaka selain makluman jarak merokok tiga meter bermula dari meja terakhir di kedai makan berkenaan.

Katanya, selain itu sebanyak 3,072 notis kompaun di bawah Seksyen

32(B) dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembaku 2004 dalam tempoh sama tahun lalu.

"Kita juga kesal apabila pemilik kedai makan meletakkan notis larangan merokok di premis mereka tetapi tetap membenarkan perokok merokok dalam premis," katanya kepada pemberita selepas operasi itu.

Dalam pada itu, Chee Leong yang juga Ahli Dewan Undangan (ADUN) Kota Laksamana berkata, daripada 154 premis yang diperiksa semalam, sebanyak 10 notis kompaun dikeluarkan.

"Enam kompaun dikeluarkan di Melaka Tengah, Jasin (3) dan Alor Gajah (1) pada operasi yang bermula dari jam 9 pagi hingga 3 petang ini," katanya.

Pelanggan kedai makan, Tan Yong Shen, 28, menyambut baik usaha kerajaan yang banyak membawa kesan positif kepada kehidupan masyarakat.

"Biarlah kuatkuasa ini dibuat lebih tegas lagi dan secara meluas, kerana saya yakin ramai yang suka tempat makan bebas asap rokok," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : SUARA SINAR



Larangan merokok 2020 nyata lebih 'garang'

SEBAIK kerajaan melalui Kementerian Kesihatan mengumumkan larangan menghisap rokok dan vape di semua tempat makan seluruh Malaysia bermula tahun 2020, dua pelancong Mesir dan Singapura telahpun disaman.

Kedua-dua pelancong itu ialah tiga perokok dan dua penghisap vape yang diberikan notis saman pada operasi hari pertama larangan merokok di premis makanan di Johor Bahru semalam.

Dalam operasi yang dijalankan Jabatan Kesihatan Negeri Johor itu, seorang pelancong Mesir dilihat terkejut apabila didatangi dua pegawai kesihatan dan persekitaran daerah yang menegur perbuatannya merokok di sebuah restoran di Dataran Larkin.

Pelancong lelaki berusia 25 tahun yang hampir tiga minggu bercuti di negara ini mendakwa, dia tidak tahu mengenai larangan merokok dalam premis bermula semalam walaupun terdapat beberapa poster larangan merokok di restoran itu.

Nampak kali ini penguatkuasaan benar-benar efektif dan tampil 'garang.'

Jika ia dijalankan secara konsisten, tidak mustahil Malaysia boleh menjadi bersih dan sihat seperti negara jiran, Singapura.

Kementerian Kesihatan perlu istiqomah membasmi budaya tidak sihat yang telah menjadi amalan kebanyakan warga Malaysia.

Secara tidak langsung larangan itu boleh membentuk disiplin diri perokok dan memperbaiki imej perokok yang lebih budiman melalui kadar saman ditetapkan.

Mereka yang melakukan kesalahan itu akan dikenakan denda RM250, namun boleh dikurangkan ke RM150, jika denda itu dibayar dalam tempoh kurang daripada sebulan.

Namun jika ingkar, pesalah boleh dikenakan saman maksimum hingga RM10,000.

Tindakan saman adalah betul asalkan premis makanan juga wajib mempamerkan dengan jelas larangan tersebut terutama membabitkan pelancong kerana mereka akan pulang ke negara asal dan mempromosikan negara kepada dunia.

Dari sudut positif itulah masa terbaik golongan perokok dan melihat larangan ini untuk membuka lembaran baru tahun baru seiring saraan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad supaya rakyat Malaysia menjadikan Tahun Melawat Malaysia 2020 sebagai misi nasional.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 34

RUANGAN : NEGERI

Pelancong asing belum faham arahan larangan merokok

PONTIAN - Peniaga kedai makan di Pekan Kukup bersedia dengan arahan larangan merokok di premis makan terbuka yang berkuat kuasa semalam dan meletakkan pelekat serta papan tanda larangan berkenaan.

Bagaimanapun tinjauan *Sinar Harian* bersama Pejabat Kesihatan Daerah Pontian mendapati ada peniaga yang mengeluh mengenai sikap segelintir pengunjung dan pelancong yang tidak mengendahkan larangan itu.

Pekan Kukup menjadi laluan masuk dan keluar bagi penumpang feri dari Tanjung Balai Indonesia.

Peniaga roti canai, Sutadi Ahmad, 55, berkata, dia perlu mengingatkan pelancong serta pengunjung yang datang ke kedai untuk menikmati sarapan mengenai larangan merokok dan mereka akur.

“Kami perlu memaklumkan kepada mereka mengenai larangan itu walaupun sudah dipasang papan tanda.

“Bekas abu rokok pun sudah tidak lagi disediakan di atas meja. Hari ini pelanggan macam biasa, rasanya pelanggan tidak berkurang walaupun mereka tidak boleh merokok di kedai,” katanya.

Sutadi turut memuji larangan merokok yang dikuatkuasakan itu kerana kedainya lebih bersih tanpa bau asap rokok dan habuk puntung rokok bersepah-pisah di lantai kedai.



Surinah (depan, kiri) bertanya sesuatu kepada peniaga ketika melakukan tinjauan hari pertama larangan merokok di kedai makan terbuka di Pekan Kukup semalam.

Sementara itu, Pegawai Kesihatan Daerah Pontian, Dr Surinah Asan berkata, seramai 12 penguat kuasa pejabat kesihatan daerah terlibat dengan penguatkuasaan di premis makan di daerah Pontian.

“Terdapat 16 premis makanan 24 jam, 324 premis makanan yang beroperasi malam dan 122 premis makanan yang beroperasi siang di Pontian,” katanya.

Mengenai pelancong dan pengunjung luar tidak memahami penguatkuasaan larangan merokok di premis makanan, Surinah berkata, perkara itu sudah dijangka kerana terdapat terminal feri yang menjadi laluan keluar masuk pelancong dan pengunjung luar di sini.

“Pekedai dan pemilik premis makanan dinasihatkan agar menegur pelancong warga asing tentang larangan merokok.

“Peniaga di Pekan Kukup memberitahu pelancong warga asing dan mereka memberi kerjasama yang baik dengan tidak merokok di premis makanan,” katanya.

Sementara itu, pelanggan, Zaidi Abu Bakar, 46, mengakui akur dengan penguatkuasaan larangan merokok tersebut.

“Ya, saya tahu larangan merokok di premis makanan bermula 1 Januari. Tiada masalah walaupun saya perokok sebab langkah dilakukan kementerian demi kebaikan orang ramai,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 35

RUANGAN : SINAR NEGERI

Beri kerjasama dan patuh arahan larangan merokok

KOTA BHARU - Seramai 200 penguat kuasa Jabatan Kesihatan Kelantan digerakkan bagi memastikan orang ramai dan pemilik premis mematuhi penguatkuasaan larangan merokok yang bermula semalam.

Pengarah Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, pemeriksaan akan dijalankan secara berkala di seluruh negeri supaya premis makan bebas dari asap rokok.

“Nilai kompaun bukan menjadi objektif utama kita, yang penting masyarakat sedar dan memberi kerjasama kepada kerajaan dalam menjalankan penguatkuasaan ini,” katanya kepada media semalam.

Sehubungan itu, beliau menggesa masyarakat dapat memberi kerjasama dan mematuhi peraturan yang ditetapkan selaras dengan hasrat kerajaan untuk memastikan tempat makan bebas asap rokok bagi melindungi orang ramai daripada bahayanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : STORY OF THE DAY

Pahang hospital welcomes 11 New Year babies

KUANTAN: Nor Masitah Abd Aziz delivered her second child shortly after midnight in the new year, barely two weeks before her own birthday.

Masitah, who turns 30 on Jan 13, said the baby was not due for another two weeks.

"At 2pm yesterday (Tuesday), I started having contractions. My husband took me to Tengku Ampuan Afzan Hospital," she said.

"We were not sure if we'd make it past midnight because the pain was unbearable. When I gave birth, I was told it was 12.03am."

The couple, who live in Bukit Rangin, said what was important was that the baby was healthy.

"We did not expect him to be a New Year baby," she said at the delivery ward yesterday.

Masitah, who has a 3-year-old girl, gave birth to a 3.3kg baby boy.

She is one of 11 mothers who gave birth on the first day of the new decade.

Up to 3pm yesterday, four boys and six girls were born at the hospital, with the heaviest weighing in at 4.1kg. A premature baby was born at 1.15pm weighing in at 0.65kg and is being treated at the Neonatal Intensive Care Unit.

A second baby was delivered at



One of the babies born on New Year's Day at Tengku Ampuan Afzan Hospital in Kuantan yesterday. PIC BY FARIZUL HAFIZ AWANG

the hospital at 3.15am, followed by a baby girl at 5.30am.

Nor Sharnini Ibrahim, 26, who gave birth to the baby girl, said she spent more than 10 hours in labour.

She and her husband, who live in Teluk Intan, Perak, decided to give birth in Kuantan as Sharnini wanted to stay with her mother during her confinement.

"I have been here since last month in anticipation of the birth of our first child. We are extremely happy, *Alhamdulillah*," she said, adding that her husband arrived in time for their baby's birth.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS / NATION

NO-SMOKING RULE

MANY SMOKERS 'PAY THE PRICE'

Tourist among those 'caught' on first day of enforcement

MOHAMED BASYR
AND TASNIM LOKMAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE nationwide ban on smoking in public places kicked off in full force yesterday, with a number of smokers caught and given summonses.

In **Johor Baru**, two tourists from Egypt and Singapore were among five people penalised.

In an operation conducted by the Johor Health Department, the Egyptian was caught smoking in a restaurant in Dataran Larkin by two health officers.

The 25-year-old tourist, who had been travelling in the country for almost three weeks, claimed that he did not know

about the smoking ban, despite the many 'No smoking' signs at the restaurant.

Johor Health and Environment chief officer Kayrul Hidayah Mansor said the operations involved 150 department personnel and began at 8am on Wednesday until midnight.

"Although the tourist was disappointed at being issued with a summons, he accepted it after our officers explained to him about the new ruling."

The Health Ministry had gazetted all food and beverage outlets in the country as smoke-free areas from Jan 1 last year.

The ruling was implemented with "educational enforcement" for 12 months. The grace period required smokers to be three metres away from food and beverage establishments to light up.

With the full enforcement in place, those caught smoking in prohibited areas would be fined RM250.

Those who commit the offence for the first time can have their



Health officers issuing a summons to a tourist for smoking in a restaurant at Dataran Larkin, Johor Baru, yesterday. PIC BY ZAIN AHMED

compound reduced to RM150 if they pay it at any district health office within one month of the compound date.

Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye had, on Tuesday, said 5,000 personnel would be deployed by the ministry to implement the no-smoking ban.

In **Melaka**, an operation covering 154 premises in Melaka Tengah, Alor Gajah and Jasin saw 10 summonses issued by state Health Department officers.

In **George Town**, the New Year revelry for 16 offenders was dashed when they were fined for lighting up at eateries.

State Health director Dr Asmayani Khalib said they were fined RM250 on the spot during inspections at 236 premises statewide until 1pm yesterday.

"The men admitted that they had forgotten the new ruling against smoking," she said.

The department officers also

conducted an awareness campaign at the eateries, and owners were advised to display the "No smoking" sign at all times.

In **Seremban**, 42 summonses were issued on the first day of enforcement, said state Health Department deputy director Mohammad Faid Abd Rashid.

He said 27 cases involved smoking in public places, seven involved premises owners failing to put up a 'No smoking' sign and eight involved the responsibility of the occupants or premises owners to ensure that their premises were smoke free.

Faid said the operation that began from 11am to 2pm involved 379 eateries, including restaurants, food stalls and food courts.

In **Kuala Terengganu**, 13 notices were issued until 3pm, said state Health Department director Dr Noor Azimi Yunus.

He said 11 notices were issued for smoking violations, while two

were for premises owners and operators who did not display the 'No smoking' sign.

"Kuala Terengganu and Dungun recorded six cases each, and one case was in Besut," he said.

In **Kuantan**, the state government pledged to uphold and support the federal government's ban.

State Housing and Local Government Committee chairman Abdul Rahim Muda said local councils would help enforcement efforts by the Health Ministry.

He urged the public and businesses to abide by the law as it was something positive and good for the people.

"We will follow all federal rules and regulations on smoking, even vaping. There have been complaints about the ban from eateries, especially the mamak restaurants, but they need to follow the law," he told the *New Straits Times*. **Additional reporting by Mohamed Farid Noh**

5,000 officers to enforce smoking ban at eateries

SIBU: Over 5,000 environmental health officers were deployed to ensure full enforcement of the smoking ban at all eateries nationwide, which took effect yesterday.

Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye said smokers who flouted the ban would be issued with a compound on the spot.

"But (the compound will have to be) paid to the local district health office, not to enforcement officers," he

told *The Borneo Post* yesterday.

Eatery operators would also be fined if they were found to be encouraging smoking by providing ashtrays at their premises.

It is also an offence under the law for eateries to provide ashtrays within the non-smoking zone, that is, within 10ft of the eatery's boundary, and the offence is punishable by a fine of up to RM5,000

or a jail term of up to one year.

On Dec 20 last year, the Health Ministry announced that smoking and vaping would be strictly prohibited at all food premises across Malaysia from this year.

Offenders would be fined RM250, but the amount would be reduced to RM150 if it is settled in less than a month. Lee added that offenders who refused to pay may face a fine of up to RM10,000.



Health enforcement officers issuing a summons to a customer caught smoking at Medan Selera Jalan Raja Muda Abdul Aziz in Kuala Lumpur yesterday. -BERNAMAPIX

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

Hawker fined for smoking

Man among first to be penalised as nationwide ban starts

GEORGE TOWN: A 60-year-old hawker at the Bayan Baru Food Court here was among the first to be slapped with a RM250 fine for lighting up on the first day of the nationwide smoking ban.

The man was puffing away within the food court and only realised his folly when Health Department officers identified themselves to him.

The hawker was then seen quietly accepting the compound issued by the officers yesterday.

Neighbouring hawkers said they had advised the man against smoking as the ban took effect yesterday but he did not take heed.

A total of 80 enforcement officers were deployed in all five districts in Penang to make the rounds at eateries from 9am to 7pm.

Dressed in plainclothes, they monitored and looked out for smokers at each location before stepping in to identify themselves and issue the compounds.

Penang Health Department direc-



No exception: State health enforcement officers issuing a fine to the hawker at the Bayan Baru Food Court, George Town.

tor Dr Asmayani Khalib said 16 compounds were issued as at 1pm yesterday after 236 premises were inspected.

Three people were also fined in shopping malls for the offence.

Smoking in all restaurants, coffee shops and hawker centres, even

open-air eateries nationwide, banned starting this year.

Those caught smoking in prohibited areas will be fined up to RM10,000 or face two years' jail while eateries found to have allowed customers to light up will be slapped with a maximum fine of RM2,500.

Smokers are, however, permitted to smoke 3m away from the establishments.

Besides tobacco products, vapes and shisha with nicotine are also included in the ban.

Eatery operators are required to display prominently at least 40cm x 50cm "no smoking" posters at their premises.

In Johor, a total of 25 notices have been issued to smokers throughout the state who were caught puffing on the first day of the enforcement of the smoking ban.

Five more notices were issued to restaurant owners for failing to put up "no-smoking" signs while a notice was issued for allowing a customer to smoke on the premises.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

REQUEST ID OF SMOKING BAN ENFORCERS, EATERIES TOLD

ASK officers for identification – this is Putrajaya's advice to restaurant operators as the ban on smoking at eateries was enforced yesterday.

The advice is to prevent restaurants from being cheated by fraudsters posing as law enforcement officials and attempting to extort both the operators and customers.

Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye said the ministry is aware of such crimes and ensures that its officers will present their identification cards when doing their rounds.

"The ministry will send out about 5,300 enforcement officers, who must produce their ministry identification cards.

"Operators need not worry," he told *The Malaysian Insight*.

Operators are asked to inform the ministry if any "officers" do not produce the identification cards.